

25/02/1997

Perolehan Samsung dijangka RM3.25b

KOMPLEKS Bersepadu Samsung Electronics dijangka mencatatkan jumlah perolehan RM3.25 bilion tahun ini berbanding RM2.065 bilion, tahun lalu.

Presiden dan Pengarah Urusan Kumpulan Samsung Electronics Malaysia, Kim Jin Ki, berkata daripada prestasi kemudahan perkilangan, Samsung Electron Devices (M) Sdn Bhd menguasai kira-kira lima peratus daripada pasaran televisyen warna seluruh dunia.

Samsung Corning (M) Sdn Bhd pula mencatatkan perolehan RM225 juta pada 1996 bagi panel dam funnel kaca yang dikilang untuk monitor komputer dan televisyen.

Samsung Electronic Display (M) Sdn Bhd pula, katanya, sudah mempertingkatkan pengeluaran monitor warna Samsung SyncMaster daripada 51,000 unit pada 1995 kepada 1.12 juta unit pada tahun lalu sejajar dengan potensinya yang besar untuk berkembang.

"Kira-kira 99 peratus daripada keluaran kilangnya dieksport ke Korea, Amerika Syarikat, Eropah dan negara Asia Selatan," katanya di majlis pembukaan Kompleks Bersepadu Samsung Electronics di Kawasan Perindustrian Senawang, Seremban, semalam.

Kompleks itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Samsung melabur RM2.065 bilion dalam ketiga-tiga syarikat itu dan akan ditambah RM727.5 juta lagi menjelang tahun 2000.

Ia membabitkan rancangan membina pusat latihan, menambah dua blok asrama dan pengenalan jentera automatik.

Kompleks itu turut mempunyai sebuah Pusat Penyiaran Dalam bernilai RM5 juta, empat blok asrama (RM24 juta) untuk kemudahan 1,700 pekerjanya.

Samsung, kata Kim, menggunakan 81 peratus sumber bahan mentah dan komponen tempatan dalam mengeluarkan produk di kompleks itu.

"Kami harap untuk meningkatkan ratio itu kepada 85 peratus menjelang akhir tahun ini. Program pembangunan vendor kami juga dilaksanakan untuk mencapai maksud ini. Ia juga diharap akan menjadi pemangkin industri komponen tempatan," katanya.

Selain itu, katanya, Samsung sedang menggariskan rancangan untuk menyerahkan pengurusan operasi syarikat itu kepada anak tempatan di mana mereka menduduki jawatan tertinggi di peringkat jabatan.

Kompleks itu, kemudahan perkilangan Kumpulan Samsung Electronics di Seremban adalah yang terbesar di luar Korea Selatan.

Jumlah pelaburan Samsung adalah sebanyak 60 peratus daripada jumlah pelaburan negara itu di Malaysia. Ketiga-tiga syarikat itu mempunyai 7,000 pekerja.

Kumpulan Samsung di negara ini terdiri daripada 10 syarikat yang terbabit dalam pelbagai kegiatan seperti perkilangan, pemasaran dan jualan, kejuruteraan dan pembinaan.

Bahagian kejuruteraan dan pembinaan Samsung turut terbabit dalam pembinaan Menara Berkembar Petronas di KLCC.

(END)